



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

### **PENGAWAS TINGKAT KHAS (C.2 EB.3) JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGAWAS TINGKAT KHAS  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Architecture Studies, Building Studies, Civil Engineering, Construction, Elektrikal, Elektronik, Estate or Property Management, Health and Safety, Mekanikal, Quantity Surveying atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
2. Berpengalaman serta kebolehan yang luas dalam kerja-kerja pengawasan, penyeliaan kerja dan mengawal kerja-kerja adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam menyediakan laporan di tapak kerja.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN (DBS), JABATAN KERJA RAYA**

1. Membuat kerja-kerja pemeriksaan dan taksiran;
2. Membantu Ketua Pembantu Teknik dalam mengawal dan memastikan operasi kerja-kerja pemeliharaan rutin dapat dilaksanakan mengikut garis pandu Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR);
3. Mengawas pekerja-pekerja bawahan dalam melaksanakan kerja-kerja dengan teratur dan kemas sebagaimana yang diarahkan;
4. Memantau keselamatan dan kualiti kerja di tapak bina;
5. Mengemaskini aduan yang diterima melalui talian Darussalam 123 dengan seberapa segera;



6. Mengarahkan *Site Supervisor* untuk membuat pemeriksaan siap kerja;
7. Membuat jadual dan mengawas kehadiran bagi kerja-kerja protokol dan lebih masa;
8. Memantau dan menyediakan permohonan dan tuntutan elaun lebih masa (*OT*) dan elaun hitung kilometer bagi kakitangan bawahan; dan
9. Menerima arahan dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### **JABATAN JALAN RAYA (DOR), JABATAN KERJA RAYA**

1. Menerima arahan dari Jurutera Kerja dari semasa ke semasa;
2. Mengetuai dan mengawasi Pengawas-Pengawas dan kakitangan bawahan;
3. Melakasankan pengawasan dan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembinaan infrastruktur jalan raya seperti pembinaan longkang konkrit, kerja-kerja *piling*, pembinaan *culvert*, penurapan konkrit dan aspal dan sebagainya yang berhubung kait dengan pembinaan jalan raya;
4. Menyediakan laporan kemajuan projek-projek pembinaan jalan raya untuk dihadapkan kepada Jurutera;
5. Membuat laporan tapak bagi setiap aduan yang diterima dari orang awam dan menyediakan laporan mengenai hasil pemeriksaan untuk tindakan lanjut Jabatan;
6. Membantu Jurutera dalam kerja-kerja penilaian dan penelitian permohonan jalan laluan yang diterima dari agensi Kerajaan, pihak swasta dan pemilik tanah persendirian; dan
7. Membantu Jurutera di Bahagian Unit Kawalan Kemajuan dalam menyediakan ulasan dan pandangan cadangan infrastruktur bagi perancangan pembangunan yang diterima dari pihak *Qualified Person* seperti permohonan pembinaan rumah pangsa, pusat komersial, industri dan lain-lain.